



BAHAGIAN KAWALAN PENYAKIT
KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
DISEASE CONTROL DIVISION
MINISTRY OF HEALTH, MALAYSIA
ARAS 3,4 DAN 6 , BLOK E10, KOMPLEKS E, PRESINT 1,
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62590, PUTRAJAYA

Tel : 03-88834527
Faks : 03-88886270

Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (21)
Tarikh : 19 Mei 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MPM 26477)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 19/2021 (9 Mei hingga 16 Mei 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 19/2021 dari 9 Mei hingga 16 Mei 2021)

Pada minggu ke-19, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan penurunan sebanyak 21 kes (4.7%), menjadikan jumlah kes 424 berbanding 445 kes pada minggu sebelumnya. Tiada kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-19. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 10,139 kes berbanding 41,812 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 75.8% (31,673 kes), manakala kumulatif kematian kekal lima (5) kematian berbanding 71 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan sebanyak 66 kematian (93%) **(Lampiran A & C)**. Pada minggu ke-19, hanya satu (1) lokaliti hotspot Denggi dilaporkan iaitu di Negeri Selangor berbanding lima (5) lokaliti hotspot pada minggu sebelumnya **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 16 kes pada minggu ke-19 dengan enam (6) kes dilaporkan dari WPKL & Putrajaya, empat (4) kes dari Selangor, tiga (3) kes dari Perak serta masing-masing satu (1) kes dari Johor, Kedah dan Pulau Pinang. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah sebanyak 492 kes **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 567 sampel darah dan 19 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.

Dalam kemeriahan suasana sambutan Hari Raya Aidilfitri, masyarakat perlu sentiasa beringat agar mengutamakan kebersihan persekitaran rumah masing-masing. Pastikan tiada bekas-bekas seperti pelita panjut daripada tin atau buluh di halaman rumah kerana ianya berpotensi menakung air dan menjadi tempat nyamuk membiak. Bagi premis yang lama ditinggalkan semasa cuti Hari Raya seperti tempat kerja, lakukan semburan aerosol terlebih dahulu sebelum masuk ke ruang kerja bagi memastikan nyamuk Aedes dihapuskan dan seterusnya menghalang penyebaran virus Denggi. Sekiranya ada anggota keluarga yang menunjukkan gejala Demam Denggi seperti demam, sakit kepala, sakit belakang mata atau sakit otot, segeralah dapatkan rawatan dari fasiliti kesihatan dengan kadar segera. Jangan cemari kegembiraan di Hari Raya ini dengan bahaya ancaman Demam Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia


24 Mei 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 18 dan ke- 19 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 19 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-19 tahun 2021

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 19/2021
(9 Mei hingga 15 Mei 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 19/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 19/2020	
		Minggu 19 (9 Mei – 15 Mei 2021)		Minggu 18 (2 Mei – 8 Mei 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	3	0	1	0	8	0	19	0
2	Kedah	9	0	11	0	151	0	360	0
3	P. Pinang	2	0	6	0	174	0	330	1
4	Perak	12	0	16	0	235	0	1,433	1
5	Selangor	246	0	272	0	5,749	1	24,744	27
6	WP KL & Putrajaya	47	0	47	0	1,113	1	3,704	4
7	N. Sembilan	8	0	8	0	255	1	996	2
8	Melaka	7	0	7	0	337	0	807	4
9	Johor	40	0	36	0	963	1	3,582	14
10	Pahang	5	0	6	0	218	1	1,065	3
11	Terengganu	0	0	0	0	17	0	124	0
12	Kelantan	4	0	1	0	96	0	1,526	2
13	Sarawak	10	0	10	0	182	0	946	2
14	Sabah	31	0	24	0	637	0	2,172	11
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	4	0
	MALAYSIA	424	0	445	0	10,139	5	41,812	71

Lampiran D

**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 19/2021
(9 Mei hingga 15 Mei 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1.	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	20	48

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 19/2021 (16 Mei 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)	
1.	Johor	Johor Bahru	3	54	
		Kluang	1		
		Muar	5		
		Segamat	15		
		Tangkak	30		
2.	Kedah	Baling	2	84	
		Kota Setar	1		
		Kuala Muda	54		
		Kulim	22		
		Langkawi	1		
3.	Kelantan	Sik	4	11	
		Gua Musang	1		
		Kuala Krai	3		
		Pasir Mas	1		
		Pasir Puteh	1		
		Tanah Merah	1		
4.	Melaka	Tumpat	4	17	
		Alor Gajah	1		
5.	Perak	Melaka Tengah	16	129	
		Kinta	4		
		Kuala Kangsar	16		
		Larut Matang & Selama	18		
6.	Pulau Pinang	Manjung	91	24	
		Barat Daya	13		
		SP Selatan	1		
		SP Tengah	2		
		SP Utara	6		
7.	Selangor	Timur Laut	2	76	
		Gombak	4		
		Hulu Langat	21		
		Klang	50		
8.	WP Kuala Lumpur	Petaling	1	97	
		Cheras	4		
		Kepong	72		
		Lembah Pantai	3		
			Titiwangsa	18	
JUMLAH KUMULATIF				492	

